

09/09/2002

Tindakan AS, Britain serang Iraq buktikan keangkuhan

Jami'ah Shukri; Maizura Ismail; Suzianah Jiffar

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain menyerang Iraq menggunakan alasan membanteras keganasan, membuktikan keangkuhan kedua-dua negara itu serta membelakangkan prinsip demokrasi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata ini kerana kedua-dua kuasa besar itu mencampur-aduk usaha memerangi keganasan dengan menjatuhkan Saddam Hussein yang tidak ada kaitan dengan kegiatan berkenaan.

Katanya, negara asing juga tidak mempunyai hak untuk campur tangan atau mengubah kepimpinan negara lain terutama jika rakyat negara itu mengamalkan demokrasi dan memilih kerajaan sendiri.

"Jika Amerika dan Britain diizinkan menyerang negara yang mereka anggap wajar ditukar pemimpinnya, apa yang akan menahan mereka daripada membuat angkara sama terhadap negara lain yang tidak menyebelahi dasar mereka.

"Hari ini ditafsirkan Saddam Hussein sebagai kononnya mempunyai `senjata kemusnahan besar'. Oleh itu, Amerika menggunakan senjatanya untuk menyerang Iraq.

"Ini menunjukkan prinsip demokrasi yang diamalkan di negara seperti di Amerika Syarikat sudah terhakis," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Wanita Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas serangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap sebuah pangkalan udara di bahagian Utara Iraq dan di zon larangan penerbangan di Selatan negara itu, kelmarin.

Mengikut laporan akhbar sebelum ini, kira-kira 100 pesawat digunakan dalam serangan itu yang bertujuan melemahkan pertahanan udara Iraq.

Akhbar hari ini melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia akan berbincang dengan negara Islam lain mengenai serangan terhadap Iraq itu.

Dr Mahathir menyifatkan serangan terbaru itu tidak akan membantu usaha menentang keganasan.

Sebaliknya, beliau berkata, serangan terhadap Iraq akan menimbulkan perasaan marah di kalangan orang tertentu dan kerjasama untuk menentang penganas mungkin terbantut.

Rafidah berkata, serangan terhadap Iraq mungkin merebak dan mencetuskan ketidaktentuan di seluruh dunia, terutama jika Iraq atau negara yang menyebelahinya bertindak balas.

Katanya, serangan dan tindak balas itu akan menjejaskan usaha Malaysia dan negara di rantau ini dalam membangunkan ekonomi bagi mengatasi kegawatan baru-baru ini.

"Biarlah rakyat yang menentukan siapa yang mereka hendak, siapa yang mereka tak hendak, bukan kita atas apapun sebab, tiada alasan (menyerang) melainkan sesebuah negara memulakan peperangan," katanya.

Beliau berkata, keangkuhan Amerika lebih jelas apabila enggan mengambil kira kenyataan bekas kumpulan pemeriksa senjata nuklear bahawa tiada bukti Iraq mempunyai senjata kemusnahan besar selain tidak mempedulikan pandangan dunia dan rakyatnya sendiri yang tidak bersetuju dengan serangan itu.

Di KOTA KINABALU, Pergerakan Pemuda Umno mahu negara Islam serta negara lain di dunia yang tidak setuju dengan serangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq perlu bangkit menyatakan pendirian masing-masing.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata pendirian pihak itu

penting bagi memastikan serangan yang membunuh banyak nyawa tidak berdosa, dihentikan segera.

Katanya, pendirian tegas negara ini mengutuk serta menentang serangan itu masih belum kukuh dan memerlukan sokongan lebih banyak pihak, khususnya negara Islam sendiri.

"Negara Islam khususnya Pertubuhan Negara Islam (OIC) perlu menyatakan pendirian berhubung isu ini kerana jika hanya Malaysia saja yang lantang menyatakan pendirian, ia tidak mencukupi.

"Kita berharap pemimpin Islam lain tidak lagi berdiam diri kerana tindakan kedua-dua negara itu sukar diterima," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan acara angkat berat Sukan Malaysia Kesembilan, di sini, hari ini.

Beliau menjelaskan serangan Amerika Syarikat dan Britain itu menunjukkan keangkuhan negara kuasa besar itu tanpa mempedulikan perasaan dunia.

Mengenai sama ada pergerakan itu akan menghantar memorandum kepada dua negara terbabit, Hishammuddin berkata, jika arahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak diendahkan, apalagi surat bantahan pihaknya.

"Jika PBB pun mereka tidak pandang lagi, apalagi surat dari Pemuda Umno. Bagi pergerakan, perkara ini membuktikan keangkuhan negara besar dan maju itu adalah membimbangkan.

"Pada masa sama, keadaan ini menunjukkan PBB sendiri tidak lagi mampu menahan kedua-dua negara kuasa besar melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kehendak dunia," katanya.